



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# GARIS PANDUAN PROGRAM **KPT-MEDAC** **SISWAPRENEUR**

DENGAN KERJASAMA:



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI



Unit Keusahawanan  
Bahagian Penyelaras dan Penyelidikan Dasar  
Kementerian Pengajian Tinggi

TAHUN 2020

**GARIS PANDUAN  
PROGRAM KPT-MEDAC SISWAPRENEUR**

© Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isikan dalam buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

**Diterbitkan oleh:**

Unit Keusahawanan  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 3, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 W.P. PUTRAJAYA

# ISI KANDUNGAN

- 2 : Penghargaan
- 3 : Ekspresi Aspirasi Menteri Pengajian Tinggi
- 4 : Bingkisan Ilham Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
- 5 : Naskhah Inspirasi Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
- 6 : Azimat Bicara Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
- 7 : Tujuan
- 7 : Latar Belakang
- 9 : Sumber Dana Pembiayaan
- 9 : Kaedah Pelaksanaan Program
- 12 : Rumusan dan Cadangan
- : Rujukan
- 13 :   : Lampiran A
- 14 :   : Lampiran B
- 15 : Soalan-Soalan Lazim (FAQ)
- 19 : Pegawai Perhubungan

## PENGHARGAAN

Kementerian Pengajian Tinggi ingin mengucapkan terima kasih kepada **Jawatankuasa Task-Force Keusahawanan Skim Mikro Kredit KPT-TEKUN NASIONAL Kementerian Pengajian Tinggi** dan individu-individu yang terlibat di atas sumbangan berharga semasa penggubalan Garis Panduan ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta TEKUN Nasional** yang turut menyumbang kepada kejayaan penghasilan Garis Panduan ini.





## Ekspresi Aspirasi MENTERI PENGAJIAN TINGGI

Keusahawanan merupakan satu daripada agenda penting dalam dasar pembangunan sesebuah negara. Ini kerana keusahawanan berupaya menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi. Keusahawanan bukan setakat boleh meningkatkan kadar per kapita pengeluaran dan pendapatan, malah juga memberikan kesan kepada struktur perniagaan dan masyarakat.

Komitmen Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030 telah diterjermahkan melalui Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030). Di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi merupakan dokumen dasar yang menjadi rujukan utama kepada pembangunan keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Sesungguhnya, bidang keusahawanan mempunyai potensi besar untuk diterokai dan dijadikan sebagai pilihan kerjaya oleh pelajar dan graduan. Justeru, elemen keusahawanan disuntik ke dalam sistem pendidikan tinggi negara sebagai nilai tambah yang bertujuan untuk membentuk pelajar IPT agar lebih berkemahiran tinggi dan mampu bersaing di pasaran yang lebih kompetitif. Pelbagai inisiatif diperkenalkan bagi memudah cara para usahawan pelajar dan graduan, termasuklah bekerjasama secara strategik dalam pelbagai pendekatan dengan agensi dan institusi yang berkaitan.

Besar harapan saya agar program seperti KPT-MEDAC Siswapreneur ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh para usahawan pelajar. Garis panduan pelaksanaan program yang diwujudkan akan menjadi satu radas pengurusan dalam membantu memastikan kaedah tadbir urus yang baik. Syabas diucapkan!

Sekian, terima kasih.

**DR. NORAINI AHMAD**



## *Bingkisan Jelham* **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Pertama sekali saya mananjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dan sekalung tahniah kepada semua pegawai yang terlibat dalam menjayakan program kerjasama ini. Program KPT-MEDAC Siswapreneur ini adalah program kerjasama strategik antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui agensi pembiayaan, TEKUN Nasional. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pembudayaan keusahawanan kepada kumpulan pelajar yang menjalankan aktiviti perniagaan semasa dalam tempoh pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Melalui program ini, TEKUN Nasional menyediakan peruntukan berjumlah RM20 juta untuk disalurkan dalam bentuk pembiayaan mudah kepada kumpulan pelajar yang memerlukan modal tambahan untuk menjalankan perniagaan. Modal berkenaan boleh digunakan untuk tujuan penambahan stok, modal pusingan mahupun pembelian peralatan dengan nilai pembiayaan sehingga RM5,000.

Setiap kejayaan yang dicapai adalah bermula daripada tindakan kecil yang diambil dari peringkat awal. Begitu juga dalam bidang perniagaan yang perlu dimulakan secara kecil-kecilan dan seterusnya berkembang sehingga ke pasaran yang lebih luas di peringkat antarabangsa. Pengalaman menjalankan perniagaan di dalam kampus merupakan “modal” yang sangat berharga bagi melahirkan golongan pelajar dan graduan yang berdaya tahan dan berjaya dalam bidang keusahawanan. Perkara ini juga akan mematangkan lagi pelajar yang terlibat agar lebih memahami akan realiti kehidupan sebagai seorang USAHAWAN.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berharap dengan kemudahan pembiayaan yang disediakan melalui TEKUN Nasional ini akan mencetuskan impak positif dalam melahirkan usahawan muda yang berjaya di masa akan datang. Akhir kata, saya ucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua yang terlibat semoga usaha kecil kita ini akan diberkati hendaknya. Insyaallah.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO SRI DR HJ WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**



## *Naskhah Inspirasi* **TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Program KPT-MEDAC Siswapreneur dapat dilaksanakan dan buku garis panduan pelaksanaannya dapat diterbitkan.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menggalas tanggungjawab besar untuk melengkapkan negara dengan modal insan yang berkualiti, berkemahiran tinggi, berdaya saing, serta mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi. Bagi maksud itu, KPT komited merancang secara strategik dan melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Dengan kerjasama strategik KPT dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), penganjuran Program KPT-MEDAC Siswapreneur dijangka akan membolehkan lebih ramai usahawan pelajar menerima manfaat untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka semasa dalam tempoh pengajian. Sinergi yang turut melibatkan TEKUN Nasional sebagai agensi kawal selia ini, secara tidak langsung turut membantu menggiatkan lagi sektor ekonomi negara.

Syabas dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat merealisasikan usaha ini. Semoga program seumpama ini memberikan sinar kepada para pelajar yang berhasrat menelusuri arena keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**MANSOR HAJI OTHMAN**



## *Azimat Bicara* **KETUA SETIAUSAHA** **KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Program mikro kredit KPT-MEDAC Siswapreneur ini terhasil daripada cetusan idea bahawa wujudnya keperluan untuk menyediakan saluran kemudahan pembiayaan kepada usahawan pelajar memulakan perniagaan. Dorongan seumpama ini menyokong matlamat Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan lebih ramai usahawan pelajar yang berkemahiran tinggi dan berdaya tahan.

Bagi memastikan tadbir urus pelaksanaan program ini lancar serta selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa, garis panduan Program KPT-MEDAC Siswapreneur disediakan sebagai dokumen rujukan kepada Pusat, Unit Keusahawanan dan para usahawan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Naskhah ini menyatakan dengan lebih terperinci berkenaan dengan syarat-syarat pembiayaan dan proses-proses yang terlibat. Usaha menerbitkan garis panduan ini juga bertujuan untuk memudahkan cara pengurusan keusahawanan di IPT untuk membantu para usahawan pelajar kita.

Menjadi harapan saya agar garis panduan ini dapat memberikan kefahaman kepada khalayak pembaca dan seterusnya Program KPT-MEDAC Siswapreneur dapat dilaksanakan dengan berkesan serta menatijahkan impak yang positif kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**DR. MAZLAN YUSOFF**

## PROGRAM KPT-MEDAC SISWAPRENEUR


### 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklum dan memperincikan kaedah pelaksanaan Program KPT-MEDAC Siswapreneur. Program ini merupakan program mikro kredit yang ditawarkan kepada usahawan pelajar daripada Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti.

### 2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah “*Entrepreneurial Nation*” menjelang 2030. Bagi membantu merealisasikan hasrat tersebut, ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari perlu diwujudkan di setiap Institusi Pendidikan Tinggi.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Pelan Pembangunan Pengajian Malaysia 2015 - 2025 (Pengajian Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 telah menggariskan 10 lonjakan utama dalam usaha mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global. Lonjakan 1: PPPM(PT) 2015-2025 secara khusus menekankan kepada pembentukan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang dengan cara memperkuuh pemikiran atau kecenderungan mereka untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.



Dalam menyokong hasrat tersebut, KPT juga telah menghasilkan Pelan Tindakan Keusahawanan, Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2016-2020 yang menggariskan empat inisiatif utama. Satu daripada inisiatif tersebut ialah pelaksanaan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan atau *Job Creator Framework* dengan sasaran meningkatkan peratusan graduan yang memilih keusahawanan sebagai kerjaya.

Di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pula, aktiviti keusahawanan diselia oleh Pusat Keusahawanan di institusi masing-masing. Hasil penelitian Pusat-pusat Keusahawanan mendapati, pelajar atau graduan sukar untuk menceburi atau memulakan perniagaan mereka akibat kekurangan modal permulaan. Hasil inovasi produk atau perkhidmatan yang dibangunkan pelajar tidak dapat dikomersialkan akibat kekurangan dana untuk memula atau mengembangkan perniagaan.

Justeru, bagi memberikan pendedahan dan memastikan kelestarian perniagaan dalam kalangan pelajar sewaktu pengajian, KPT dengan kerjasama TEKUN Nasional berhasrat untuk melaksanakan Program KPT-MEDAC Siswapreneur kepada pelajar yang berhasrat memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka semasa dalam pengajian. Pembiayaan melalui skim mikro kredit ini merupakan salah satu bentuk kemudahan dan galakan berbentuk pinjaman kewangan yang diberikan kepada pelajar IPT yang berkelayakan.

Program ini akan menjadi pemangkin untuk membangunkan usahawan dalam kalangan pelajar seterusnya menyokong kepada hasrat untuk menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan menjadikan Malaysia sebuah “*Entrepreneurial Nation*” menjelang 2030.





### 3.0 SUMBER DANA PEMBIAYAAN

Dana bagi melaksanakan Program KPT-MEDAC Siswapreneur merupakan dana yang diperuntukan sebanyak RM20 juta bagi pembiayaan mikro yang disedia dan dikawal selia oleh TEKUN Nasional. Sebagai pulangannya, TEKUN Nasional akan mengenakan caj perkhidmatan berkadar tetap sebanyak 4% setahun daripada jumlah pembiayaan yang telah diluluskan kepada pelajar. Tiada dana tambahan atau dana daripada sumber lain akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan program ini.

### 4.0 KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM

#### 4.1 Syarat-syarat Pembiayaan

Syarat pembiayaan adalah seperti **Lampiran A**.

#### 4.2 Proses Kelulusan Pembiayaan

- i. Pusat Keusahawanan IPT akan menerima dan memproses permohonan pembiayaan daripada pelajar berdasarkan syarat-syarat pembiayaan yang ditetapkan. Hanya permohonan yang melepas tapisan akan dipanjangkan kepada pihak TEKUN Nasional untuk proses kelulusan;
- ii. Pihak TEKUN Nasional akan memaklumkan kelulusan secara terus kepada pemohon yang berjaya melalui kaedah sedia ada yang diguna pakai oleh TEKUN Nasional dan memberikan

satu salinan keputusan (senarai peserta yang diluluskan) tersebut kepada Pusat Keusahawanan IPT masing-masing, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk tujuan rekod; dan

- iii. Pelajar perlu menandatangani surat perjanjian atau akaun yang disediakan oleh pihak TEKUN melalui Pusat Keusahawanan IPT masing-masing sebelum jumlah pembiayaan yang diluluskan itu dikreditkan ke akaun pemohon tersebut oleh pihak TEKUN Nasional.

#### **4.3 Jumlah Had Pembiayaan**

Jumlah had pembiayaan yang disediakan kepada pelajar seperti yang berikut:

<b>Had Pembiayaan</b>
RM1,000.00 sehingga RM5,000.00

#### **4.4 Tata Urus Pembiayaan**

Kuasa melulus permohonan pembiayaan bagi Program KPT-MEDAC Siswapreneur adalah pada pihak TEKUN Nasional. Proses permohonan sehingga kelulusan adalah seperti **Lampiran B**.

#### **4.5 Kaedah Pembayaran Balik**

- i. Pemohon yang diluluskan pembiayaan melalui Program KPT-MEDAC Siswapreneur perlu menjelaskan bayaran balik pembiayaan secara bulanan melalui kaedah atau saluran yang ditetapkan oleh pihak TEKUN Nasional;
- ii. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah berdasarkan kelulusan oleh pihak TEKUN Nasional;
- iii. Sekiranya berlaku sebarang bayaran tunggakan, pihak TEKUN Nasional akan mengambil tindakan seperti yang tertera dalam borang perjanjian yang ditandatangani oleh pemohon;
- iv. Pusat keusahawanan IPT akan membantu mengenalpasti peminjam berkaitan yang masih berstatus pelajar dan mengemukakan surat peringatan untuk menjelaskan baki pembiayaan kepada pelajar terbabit;

- v. Pelajar yang masih mempunyai bayaran balik pemberian tertunggak tidak akan diberikan pertimbangan untuk membuat permohonan pemberian baharu melalui program ini; dan
- vi. Jadual pembayaran balik berdasarkan 4% caj perkhidmatan adalah seperti berikut:

Jumlah Pemberian (RM)	Bayaran balik bulanan (RM) (termasuk 4% caj perkidmatan)					
	6 bulan	12 bulan	18 bulan	24 bulan	30 bulan	36 bulan
1,000	170	87	59	45	37	31
2,000	340	173	118	90	73	62
3,000	510	260	177	135	110	93
4,000	680	347	236	180	147	124
5,000	850	433	294	225	183	156



#### 4.6 Pemantauan Bayaran

- i. Pemantauan akan dilakukan oleh pihak TEKUN Nasional dengan kerjasama Pusat Keusahawanan IPT berkaitan semasa pelajar berada dalam tempoh pengajian dan dilaporkan kepada pihak JPT dan JPPKK;
- ii. Bagi kategori pelajar yang telah menamatkan pengajian secara rasmi/tidak rasmi dan masih mempunyai baki tempoh pembiayaan pemantauan akan dilakukan oleh pihak TEKUN Nasional dengan menggunakan kaedah pemantauan sedia ada di TEKUN Nasional; dan
- iii. Pelajar yang gagal membayar ansuran bulanan bagi tempoh selama satu (1) bulan akan dirujuk oleh pihak TEKUN Nasional kepada Pusat Keusahawanan IPT untuk program intervensi.

#### 5.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Pembiayaan Program KPT-MEDAC Siswapreneur merupakan satu sistem mikro kredit yang pragmatik dalam memupuk ekosistem keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi memastikan penerusan survival keusahawanan selepas bergraduasi kelak. IPT sebagai satu platform latihan dalam menyediakan infra dan menyediakan sumber pembiayaan kewangan untuk pelajar yang berminat dalam aktiviti perniagaan dengan kerjasama pihak TEKUN Nasional.

Jawatankuasa Task-Force Keusahawanan  
Skim Mikro Kredit KPT-TEKUN NASIONAL  
Kementerian Pengajian Tinggi

TAHUN 2020

## Lampiran A


### **SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN PROGRAM KPT-MEDAC SISWAPRENEUR**

Syarat-syarat permohonan pembiayaan Program KPT-MEDAC Siswapreneur adalah seperti berikut:

- (a) Pengenalpastian pemohon akan dilakukan oleh pihak IPT;
- (b) Pembiayaan terbuka kepada pelajar IPT dari peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan kedoktoran sepenuh masa;
- (c) Pemohon mestilah seorang warganegara Malaysia dan Bumiputera;
- (d) Had umur peminjam ialah 18 tahun sehingga 60 tahun sahaja;
- (e) Pembiayaan terbuka kepada pelajar yang menjalankan perniagaan sama ada berpremis atau tidak berpremis dan sah di sisi undang-undang serta patuh syariah;
- (f) Pelajar haruslah menjalankan perniagaan terlebih dahulu sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum memohon pembiayaan yang disediakan;
- (g) Pelajar mesti mempunyai syarikat/perniagaan yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau berdaftar dengan IPT;
- (h) Pelajar yang ingin memohon pembiayaan ini mestilah memperoleh Purata Mata Kumulatif (PMK) 2.5 dan ke atas;
- (i) Pelajar perlu menyediakan rancangan perniagaan dan perlu membentangkan model rancangan perniagaan yang akan dijalankan semasa temu duga dijalankan oleh pusat keusahawanan di IPT berkaitan;
- (j) Had jumlah pembiayaan ialah RM1,000.00 sehingga RM5,000.00;
- (k) Tempoh masa pembiayaan adalah sehingga tiga (3) tahun;
- (l) Pembiayaan terbuka untuk perniagaan milikan tunggal pelajar sahaja;
- (m) Pelajar perlu terlibat secara langsung dalam perniagaan; dan
- (n) Bentuk pembiayaan adalah tunai sahaja.

## Lampiran B

### CARTA ALIR KERJA PERMOHONAN PEMBIAYAAN MIKRO MELALUI PROGRAM KPT-MEDAC SISWAPRENEUR



## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) PROGRAM KPT-MEDAC SISWAPRENEUR

### 1. Apakah itu Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?

Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR merupakan program skim mikro-kredit yang ditawarkan kepada usahawan pelajar daripada Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang berhasrat untuk menjalankan dan mengembangkan perniagaan mereka semasa dalam pengajian.

### 2. Berapakah JUMLAH PERUNTUKAN yang disediakan bagi pelaksanaan Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?

Sebanyak RM20 juta dana telah diperuntukkan secara keseluruhannya kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi menampung pembiayaan mikro-kredit ini yang disedia dan dikawal selia oleh pihak TEKUN Nasional.

### 3. Apakah SYARAT KELAYAKAN untuk memohon Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?

Syarat-syarat permohonan pembiayaan Program KPT-MEDAC Siswapreneur adalah seperti berikut:

- a) Pengenalpastian pemohon akan dilakukan oleh pihak IPT;
- b) Pembiayaan terbuka kepada pelajar IPT dari peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan kedoktoran sepenuh masa;
- c) Pemohon mestilah seorang warganegara Malaysia dan Bumiputera;
- d) Had umur peminjam ialah 18 tahun sehingga 60 tahun sahaja;
- e) Pembiayaan terbuka kepada pelajar yang menjalankan perniagaan sama ada berpremis atau tidak berpremis dan sah disisi undang-undang serta patuh syariah;
- f) Pelajar haruslah menjalankan perniagaan terlebih dahulu sekurang-kurangnya (3) bulan sebelum memohon pembiayaan yang disediakan;
- g) Pelajar mesti mempunyai syarikat/perniagaan yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau berdaftar dengan IPT;
- h) Pelajar yang ingin memohon pembiayaan ini mestilah memperolehi Purata Mata Kumulatif (PMK) 2.5 dan ke atas;
- i) Pelajar perlu menyediakan rancangan perniagaan dan perlu membentangkan model rancangan perniagaan yang akan dijalankan semasa temuduga dijalankan oleh Pusat Keusahawanan di IPT berkaitan;
- j) Had jumlah pembiayaan ialah RM1,000 sehingga RM5,000;
- k) Tempoh masa pembiayaan adalah sehingga 3 tahun;
- l) Pembiayaan terbuka untuk perniagaan milikan tunggal pelajar sahaja;

- m) Pelajar perlu terlibat secara langsung dalam perniagaan; dan
  - n) Bentuk pembiayaan adalah tunai sahaja.
- 4. Berapakah JUMLAH HAD PEMBIAYAAN yang disediakan melalui Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?**
- Had pembiayaan yang disediakan daripada RM1,000 hingga RM5,000.
- 5. Bagaimanakah PROSES KELULUSAN pembiayaan Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR ini dilaksanakan?**
- a) Pusat Keusahawanan IPT akan menerima dan memproses permohonan pembiayaan daripada pelajar berdasarkan syarat-syarat pembiayaan yang ditetapkan. Hanya permohonan yang melepas tapisan akan dipanjangkan kepada pihak TEKUN Nasional untuk proses kelulusan;
  - b) Pihak TEKUN Nasional akan memaklumkan kelulusan secara terus kepada pemohon yang berjaya melalui kaedah sedia ada yang diguna pakai oleh TEKUN Nasional dan memberikan satu salinan keputusan (senarai peserta yang diluluskan) tersebut kepada Pusat Keusahawanan IPT masing-masing, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk tujuan rekod; dan
  - c) Pelajar perlu menandatangani surat perjanjian atau akuan yang disediakan oleh pihak TEKUN melalui Pusat Keusahawanan IPT masing-masing sebelum jumlah pembiayaan yang diluluskan itu dikreditkan ke akaun pemohon tersebut oleh pihak TEKUN Nasional.
- 6. Bagaimanakah KADEAH PEMBAYARAN BALIK Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR dilaksanakan?**
- a) Pemohon yang diluluskan pembiayaan melalui Program KPT-MEDAC Siswapreneur perlu menjelaskan bayaran balik pembiayaan secara bulanan melalui kaedah atau saluran yang ditetapkan oleh pihak TEKUN Nasional;
  - b) Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah mengikut kelulusan oleh pihak TEKUN Nasional;
  - c) Sekiranya berlaku sebarang bayaran tunggakan, pihak TEKUN Nasional akan mengambil tindakan seperti yang tertera dalam borang perjanjian yang ditandatangani oleh pemohon;
  - d) Pusat Keusahawanan IPT akan membantu mengenalpasti peminjam berkaitan yang masih berstatus pelajar dan mengemukakan surat peringatan untuk menjelaskan baki pembiayaan kepada pelajar terbabit;
  - e) Pelajar yang masih mempunyai bayaran balik pembiayaan tertunggak tidak akan diberikan pertimbangan untuk membuat permohonan pembiayaan baru melalui program ini; dan
  - f) Pembayaran balik berdasarkan 4% kadar keuntungan.

**7. Jadual pembayaran balik bagi Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR.**

Jumlah Pembentangan (RM)	Bayaran balik bulanan (RM) (termasuk 4% kadar keuntungan)					
	6 bulan	12 bulan	18 bulan	24 bulan	30 bulan	36 bulan
1,000	170	87	59	45	37	31
2,000	340	173	118	90	73	62
3,000	510	260	177	135	110	93
4,000	680	347	236	180	147	124
5,000	850	433	294	225	183	156

**8. Sekiranya pelajar telah mendaftar perniagaan Sdn. Bhd., adakah pelajar tersebut boleh memohon pinjaman melalui Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?**

Pembentangan terbuka kepada perniagaan milikan tunggal pelajar sahaja dan dicadangkan agar pelajar tersebut berhubung dengan pihak TEKUN Nasional untuk memohon produk pembentangan lain yang ada disediakan di TEKUN Nasional.

**9. Sekiranya pelajar berminat untuk menyertai program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR ini, bagaimanakah kaedah untuk pelajar mendapatkan maklumat lanjut dan borang-borang yang berkaitan?**

Pelajar boleh berhubung terus melalui Pusat/Unit Keusahawanan di Universiti Awam/ Politeknik/ Kolej Komuniti bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR. Borang permohonan akan diselaraskan melalui Pejabat Cawangan TEKUN Nasional kepada Pusat/ Unit Keusahawanan Universiti Awam/ Politeknik/ Kolej Komuniti.

**10. Adakah pelajar boleh menghubungi terus pihak TEKUN Nasional untuk mandapatkan maklumat lanjut berkenaan program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?**

Pelajar perlu berurusan terus dengan pihak Pusat/Unit Keusahawanan di Universiti Awam/ Politeknik/ Kolej Komuniti bagi mendapatkan maklumat lanjut. Hanya pegawai Pusat/Unit Keusahawanan IPT menyelaraskan permohonan pelajar kepada pihak TEKUN Nasional di setiap Pejabat TEKUN Cawangan yang berhampiran dengan IPT masing-masing.

**11. Adakah pelajar tahun akhir boleh memohon pembiayaan melalui program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?**

Pelajar tahun akhir boleh memohon pembiayaan program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR. Permohonan yang melepas tapisan akan dipanjangkan kepada pihak TEKUN Nasional untuk proses kelulusan dan tempoh bayaran balik pembiayaan adalah mengikut kelulusan oleh pihak TEKUN Nasional berdasarkan baki pengajian yang tinggal.

**12. Adakah pelajar yang telah mendapat pembiayaan TEKUN sebelum ini melalui produk pembiayaan lain layak untuk mendapatkan pembiayaan di bawah program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR?**

Pelajar yang telah mendapat pembiayaan TEKUN sebelum ini melalui produk pembiayaan yang lain dan masih mempunyai baki pembiayaan, tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan di bawah Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR. Sekiranya pembiayaan berkenaan telah dijelaskan sepenuhnya, pelajar layak membuat permohonan pembiayaan di bawah Program KPT-MEDAC SISWAPRENEUR berdasarkan rekod dan prestasi bayaran balik pembiayaan yang baik.

## PEGAWAI PERHUBUNGAN

### INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

#### **Universiti Malaya (UM)**

YBrs. Dr. Iskandar bin Abdullah  
03-7967 3505  
iskandar.a@um.edu.my

#### **Universiti Sains Malaysia (USM)**

Encik Hazlan bin Abdul Hamid  
04-6536011  
hazlan@usm.my

#### **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

YBrs. Prof. Madya Dr. Noor Azuddin bin Yakob  
03-89214880  
azuddin@ukm.edu.my

#### **Universiti Putra Malaysia (UPM)**

YBrs. Prof. Madya Dr. Mass Hareeza binti Ali @ Hamid  
03-8947 1336  
mass@upm.edu.my

#### **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**

YBrs. Prof. Madya Dr. Abdul Rashid bin Husain  
07-553 6789  
ab rashid@utm.my

#### **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**

YBrs. Prof. Madya Dr. Ros Aniza binti Mohd Shariff  
03-64216390  
aniza@iium.edu.my

#### **Universiti Utara Malaysia (UUM)**

YBhg. Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam  
04-9284870  
chandra@uum.edu.my

#### **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**

YBrs Prof. Madya Dr. Mohammad Affendy bin Arif  
082-581943  
amaffendy@unimas.my

#### **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**

Encik Ag. Nasip Yonos  
088-320 000 samb. 4217/4101  
jeroy@ums.edu.my

#### **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**

YBrs. Dr. Sharul Effendy bin Janudin  
05-4506355  
sharul@fpe.upsi.edu.my

#### **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

Encik Marwan bin Tahir  
06-7986486  
marwan@usim.edu.my

#### **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

YBrs. Dr. Mohammed Hardy Loh Rahim  
03-55435692  
hardy@uitm.edu.my

#### **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**

Cik Zaizulhizma binti Salleh  
09-668 4522  
zaizulhizma.salleh@umt.edu.my

#### **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**

YBrs. Dr. Umi Kartini binti Rashid  
07-4538390  
kartini@uthm.edu.my

#### **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

YBrs. Dr. Mohd Amin bin Mohamad  
06-2708032  
amin@utem.edu.my

#### **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Hadi bin Manap  
09-549 2576/2541  
hadi@ump.edu.my

#### **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Encik Hasrul Nizam bin Halim  
04-9885722  
hasrul@unimap.edu.my

#### **Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

Encik Adi Aliffudin bin Hussin  
09-6688729  
adialiffudin@unisia.edu.my

#### **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**

Prof. Madya. Dr. Mohammad bin Ismail  
09-7717167  
mohammad.i@umk.edu.my

**Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(UPNM)**

YBrs. Prof. Madya Dr. Dian Darina Indah  
binti Daruis  
03-90513400 samb 7622524  
dian@upnm.edu.my

**Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej  
Komuniti (JPPKK)**

Puan Noranya binti Mohamad Yusoff  
03-8888 3102  
noranya.yusoff@mohe.gov.my

**TEKUN NEGERI**

**TEKUN Johor**

Encik Zuraidi bin Khalid  
07-2351466  
zuraidi@tekun.gov.my

**TEKUN Kedah**

Encik Mohamad Saidi bin Azizan  
04-7317607/04-7308417  
saidi@tekun.gov.my

**TEKUN Kelantan**

Encik Azman bin Yusuff  
09-7418 523/525  
azman@tekun.gov.my

**TEKUN Kuala Lumpur**

Encik Kamarozzaman bin Sampol  
03-90598990  
kamarol@tekun.gov.my

**TEKUN Melaka**

Encik Aminudin bin Jasmy  
06-2328 700/050 atau 06-2346301  
aminudin@tekun.gov.my

**TEKUN Negeri Sembilan**

Encik Mokhtar bin Mustafa  
06-7628 467/463 atau 06-7615 941/942  
mokhtarr@tekun.gov.my

**TEKUN Pahang**

Encik Shahrul Ambar bin Abdullah Ambar  
09-2901 742/743  
shahrulambar@tekun.gov.my

**TEKUN Perak**

Encik Shahrul Niza bin Mat Adil  
05-2495 710/711/712  
niza@tekun.gov.my

**TEKUN Perlis**

Encik Salimin bin Md Rejab  
04-9868186  
salimin@tekun.gov.my

**TEKUN Pulau Pinang**

Encik Dzulmazri bin Adnan  
04-383 8371/8612/8596  
dzulmazri@tekun.gov.my

**TEKUN Selangor**

Encik M. Nasiruddin bin Samad  
03-5512 7060/7041  
nasiruddin@tekun.gov.my

**TEKUN Terengganu**


Encik Nizarmuhsin bin Muhamad  
09-66697 50/60/63 64  
nizarmuhsinmohamad@gmail.com

**TEKUN Sabah**

Encik Salim bin Abidin  
088-311355  
salim@tekun.gov.my

**TEKUN Sarawak**

Encik Roslan Ais/Puan Siti Haja Mohamad  
Mustapha  
082-410972/082-428245/082-232893  
roslanais@tekun.gov.my/  
sitihaja@tekun.gov.my



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**Unit Keusahawanan**  
**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar**  
Kementerian Pengajian Tinggi  
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 W.P. Putrajaya, Malaysia